



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Pengoperasian Nahu Wazifi dalam Modul Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan: Pemberitaan Lokasi, Perbualan Arab & Pengucapan Awam *Operationalising Nahu Wazifi in an Advanced Arabic Speaking Module: Live News Coverage, Conversation with Native Arabic Speakers & Public Speaking*

Mohd Nizwan Musling^{1,*}, Muhammad Izuan Abd Ghani², Azlan Shaiful Baharum³, Yuslina Mohamed³, Noor Saazai Mat Saad⁴, Mikail Ibrahim⁵

¹ Arabic Language with Communication Programme, Faculty of Major Language Studies & Islamic Science Institute, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Arabic Language and Islamic Literature Programme, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

³ Arabic Language with Communication Programme, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

⁴ English Language with Commerce Programme, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

⁵ Faculty of Arabic Language, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

ARTICLE INFO

Article history:

Received 2 August 2025

Received in revised form 9 March 2026

Accepted 20 March 2026

Available online 25 March 2026

ABSTRACT

Kemahiran pertuturan bahasa Arab masih menjadi cabaran utama dalam kalangan pelajar bukan penutur jati meskipun pengajaran tatabahasa diberikan secara intensif. Pendekatan tradisional yang memisahkan struktur bahasa daripada fungsi komunikatifnya menyebabkan jurang antara pengetahuan nahu dan kecekapan pertuturan terus berlarutan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis pengoperasian pendekatan Nahu Wazifi dalam modul pertuturan bahasa Arab lanjutan melalui pelaksanaan sebenar di peringkat pendidikan tinggi. Kajian ini menggunakan reka bentuk pembangunan dan pelaksanaan modul dengan pendekatan kualitatif berpandukan semakan literatur, analisis reka bentuk modul serta tinjauan prestasi pelajar. Modul yang dibangunkan merangkumi tiga konteks komunikasi autentik, iaitu pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati Arab dan pengucapan awam, yang setiap satu memetakan struktur nahu kepada fungsi komunikasi sebenar secara progresif. Dapatan kajian memperincikan pemetaan topik nahu kepada fungsi deskriptif, interpersonal dan persuasif, serta menjelaskan bagaimana aktiviti bertahap membolehkan pelajar mengoperasikan struktur bahasa secara kontekstual. Kajian ini menunjukkan bahawa pengoperasian Nahu Wazifi secara sistematik dapat merapatkan jurang antara pengetahuan tatabahasa dan

* Corresponding author.

E-mail address: mohdnizwan@usim.edu.my

<https://doi.org/10.37934/arsbs.42.1.291309>

kompetensi pertuturan, sekali gus menawarkan model pedagogi yang boleh direplikasi dalam pengajaran bahasa Arab lanjutan.

Arabic speaking proficiency remains a major challenge for non-native learners, despite intensive grammar instruction delivered through traditional approaches. However, such methods often fail to help students apply grammatical structures effectively in real-life spoken communication. Accordingly, this study aims to elaborate on the application of the Nahu Wazifi approach—which emphasizes the functional use of grammar in communicative contexts—as a core element in the development of an advanced Arabic speaking module. This study adopts a qualitative, guided by literature review, module design and student’s performance. The module incorporates three types of oral communication activities: live news coverage, conversation with native Arabic speakers, and public speaking. Each activity is structured progressively with grammar topics that function directly within the corresponding communicative situations. The study details the implementation of the Nahu Wazifi approach in the module through the selection of grammar topics aligned with real-world functions, the staged design of activities, and the mapping of grammatical structures to specific oral communication needs. This study shows that the systematic application of the Nahu Wazifi approach helps bridge the gap between grammatical knowledge and speaking competence, while offering a pedagogical model that can be replicated in advanced Arabic language teaching.

Keywords:

Nahu Wazifi; pertuturan Arab lanjutan; pemberitaan lokasi; perbualan bersama penutur jati Arab; pengucapan awam

Nahu Wazifi; advanced Arabic speaking; live news coverage, conversation with native Arabic speakers; public speaking

1. Pengenalan

Dalam era globalisasi, penguasaan pertuturan bahasa asing menjadi keperluan asas bagi memastikan kelangsungan komunikasi antara pelbagai budaya, khususnya dalam bidang akademik, sosial dan profesional. Bahkan pertuturan sering dianggap sebagai ukuran utama kompetensi bahasa kerana ia mencerminkan kebolehan seseorang menghasilkan ujaran secara spontan, fasih dan sesuai mengikut konteks. Walau bagaimanapun, pelbagai kajian menunjukkan bahawa pelajar bahasa asing di seluruh dunia masih berdepan kesukaran menguasai kemahiran ini meskipun telah mengikuti pengajaran tatabahasa secara intensif [1]. Situasi ini berpunca daripada pendekatan pengajaran tatabahasa yang cenderung bersifat abstrak dan formalistik, sedangkan pertuturan menuntut aplikasi yang fleksibel, kontekstual dan komunikatif.

Isu ini lebih ketara dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Boulesnam dan Boucetti [2] menegaskan bahawa kerumitan struktur linguistik bahasa Arab, di samping cabaran pemprosesan automatik, menjadikan pembelajarannya lebih kompleks berbanding bahasa-bahasa lain. Kaedah pengajaran tradisional yang menekankan hafalan rumus serta analisis *i’rab* (keadaan huruf akhir sesuatu perkataan dalam ayat) menyebabkan pelajar sering gagal menghubungkan bentuk linguistik dengan fungsi komunikatif dalam wacana sebenar [3,4]. Akibatnya, pelajar mungkin mempunyai pengetahuan tatabahasa yang baik secara bertulis atau lisan, namun tidak berupaya bertutur dengan yakin, tepat dan sesuai mengikut konteks komunikasi.

Tambahan pula, kebergantungan berlebihan kepada kaedah terjemahan serta penggunaan bahasa ibunda sebagai medium utama pengajaran turut menyumbang kepada masalah ini. Walaupun strategi tersebut membantu pemahaman teks bertulis, tetapi ia mengehadkan peluang pelajar untuk membina keberanian dan kelancaran dalam menghasilkan pertuturan bahasa Arab sebenar. Pendekatan berpusatkan guru juga menjadikan pelajar penerima pasif, sedangkan pembangunan kompetensi komunikasi lisan memerlukan interaksi bermakna yang konsisten. Dalam konteks Malaysia, Musling, Mohamed, dan Abd Ghani [10] mengesahkan bahawa amalan sedemikian menjejaskan perkembangan kompetensi komunikasi lisan pelajar.

Kritikan terhadap penekanan berlebihan pada analisis struktur ayat turut dikemukakan oleh beberapa sarjana. Mohammed dan Al-Marsumi [5] menegaskan bahawa tatabahasa harus difahami

sebagai alat pembinaan makna, bukan sekadar sistem peraturan formal. Kahiha [6] pula mendapati bahawa kelemahan pertuturan pelajar berpunca daripada kegagalan menyediakan ruang aplikasi lisan yang mencukupi. Dalam kajian terhadap guru bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia, Pital *et al.*, [7] mengesahkan bahawa pendekatan tradisional masih mendominasi, sekali gus menghadkan pendedahan pelajar kepada latihan komunikatif autentik. Secara keseluruhan, literatur menunjukkan pola yang konsisten, iaitu wujudnya jurang ketara antara pengetahuan tatabahasa dan kecekapan pertuturan merentas pelbagai peringkat pengajian dan konteks negara.

Sebagai respons terhadap jurang tersebut, pendekatan Nahu Wazifi atau tatabahasa fungsian diketengahkan sebagai alternatif yang lebih komunikatif. Pendekatan ini bertitik tolak daripada teori Linguistik Sistemik Fungsional oleh Halliday [5] yang melihat tatabahasa sebagai sistem sumber makna yang membolehkan penutur menyesuaikan ujaran dengan konteks. Dalam konteks bahasa Arab, Musling, Mohamed, dan Abd Ghani [10] menjelaskan bahawa gagasan ini telah diperkenalkan oleh Daud Abduh (1979) yang menekankan keperluan mengajar tatabahasa Arab berdasarkan fungsi komunikatifnya dalam konteks sebenar, bukan sekadar hafalan bentuk atau analisis i'rab. Pendekatan ini kemudiannya diperkukuh oleh sarjana kontemporari seperti Luqman Ibrahim [6] yang menegaskan kepentingan menghubungkan rumus tatabahasa dengan tugas komunikasi autentik.

Sokongan empirikal terhadap pendekatan ini turut direkodkan dalam beberapa kajian. Al-Momani [7] menunjukkan bahawa pengajaran tatabahasa melalui situasi autentik meningkatkan kemampuan pelajar menghasilkan ayat secara spontan, manakala Abu Rabi [8] mendapati bahawa pendekatan berasaskan fungsi mempercepatkan pemindahan pengetahuan tatabahasa ke dalam pertuturan. Dalam perkembangan terkini, dimensi fungsional turut mendapat perhatian dalam bidang linguistik terapan dan teknologi bahasa. Abudalfa, Abdu, dan Alowaifeer [8] menekankan kepentingan aspek fungsional dalam kajian pemindahan gaya teks Arab, manakala Halabi, Fayyumi, dan Awajan [10] menunjukkan bagaimana prinsip tatabahasa Arab boleh disesuaikan dalam pembinaan *treebank* moden bagi pemprosesan bahasa semula jadi. Kajian tempatan oleh Azani, Che Mat, dan Pa [9] pula membuktikan bahawa aktiviti lakonan dan simulasi membantu pelajar mengaitkan struktur nahu dengan fungsi komunikatif sebenar. Walaupun pendekatan tatabahasa fungsional telah dibincangkan dalam literatur dan disokong oleh dapatan empirikal, kajian yang menghuraikan secara sistematik pemetaan struktur nahu kepada genre komunikasi lisan tertentu dalam konteks bahasa Arab sebagai bahasa asing masih terhad. Selain itu, model pengoperasian yang menghubungkan pemetaan tersebut dengan pelaksanaan sebenar modul pertuturan lanjutan di peringkat pendidikan tinggi belum diperincikan secara eksplisit.

Sehubungan itu, Musling, Mohamed, dan Abd Ghani [10] telah mengemukakan kerangka konseptual modul pertuturan bahasa Arab lanjutan berasaskan Nahu Wazifi yang memfokuskan tiga konteks utama, iaitu pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati dan pengucapan awam. Artikel ini mengembangkan kerangka tersebut dengan menyusun modul secara lebih sistematik melalui pemetaan topik nahu kepada fungsi komunikasi sebenar, serta merangka aktiviti latihan berasaskan tugas (*task-based learning*) berpandukan piawaian CEFR tahap B2–C1. Berbeza daripada perbincangan terdahulu yang cenderung bersifat konseptual atau terhad kepada kajian keberkesanan umum, artikel ini memperincikan pengoperasian Nahu Wazifi secara berstruktur dalam reka bentuk aktiviti pertuturan lanjutan, sekali gus menawarkan model aplikasi pedagogi yang eksplisit dan boleh direplikasi dalam konteks pendidikan tinggi bahasa Arab. Artikel ini menyumbang dengan mengemukakan model pemetaan dan pengoperasian Nahu Wazifi yang disusun secara progresif merentas tiga konteks komunikasi lisan, sekali gus menyediakan kerangka pedagogi yang sistematik dan boleh direplikasi dalam reka bentuk kurikulum pertuturan lanjutan.

Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk: (i) membentangkan model pemetaan pedagogi pendekatan Nahu Wazifi yang merangkumi topik nahu, bentuk aktiviti pertuturan serta kerangka

penilaian mengikut konteks komunikasi autentik yang sesuai bagi pelajar tahap lanjutan dan sejajar dengan deskriptor CEFR, dan (ii) menghuraikan pengoperasian pemetaan tersebut dalam reka bentuk dan pelaksanaan modul pertuturan bahasa Arab lanjutan melalui analisis struktur nahu sebagai sumber pembinaan makna dalam komunikasi lisan sebenar. Sehubungan itu, penulisan ini memfokuskan kepada analisis pemetaan dan pengoperasian pedagogi dalam konteks pelaksanaan modul, dan bukan kepada pengesahan keberkesanan intervensi melalui reka bentuk eksperimen atau pengukuran kuantitatif pra dan pasca pelaksanaan.

2. Metodologi

2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Design and Development Research (DDR) yang memfokuskan kepada pembangunan dan pengoperasian modul pertuturan bahasa Arab lanjutan berasaskan Nahu Wazifi dalam konteks pengajaran sebenar [12,13]. Artikel ini memfokuskan kepada fasa pelaksanaan dan analisis pengoperasian modul, iaitu bagaimana struktur nahu dipetakan secara sistematik kepada fungsi komunikatif dalam tiga konteks pertuturan autentik. Kajian ini bersifat deskriptif-analitik, dengan tujuan menghuraikan model pemetaan pedagogi yang terhasil daripada proses pembangunan dan pelaksanaan modul.

2.2 Responden dan Persampelan

Peserta kajian terdiri daripada 108 pelajar yang mengikuti kursus pertuturan bahasa Arab lanjutan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), melibatkan lima kelas berasingan dalam satu semester akademik. Teknik persampelan adalah bersasar (*purposive sampling*); kerana semua pelajar yang mengikuti kursus tersebut terlibat secara langsung dalam pelaksanaan modul.

2.3 Pembangunan Modul dan Prosedur Pelaksanaan

Pembangunan modul mengikuti kerangka DDR yang merangkumi:

1. Analisis keperluan: mengenal pasti jurang antara penguasaan tatabahasa dan kompetensi pertuturan melalui semakan literatur serta pemerhatian awal kursus melalui borang kaji selidik.
2. Reka bentuk modul: memetakan prinsip Nahu Wazifi kepada tiga konteks komunikasi autentik.
3. Pelaksanaan modul: modul dijalankan selama 14 minggu dalam lima kelas.
4. Refleksi dan penambahbaikan awal: penilaian struktur aktiviti berdasarkan pemerhatian dan maklum balas pelaksanaan.

Modul distrukturkan kepada tiga konteks:

- Pemberitaan lokasi (fungsi deskriptif)
- Perbualan bersama penutur jati (fungsi interpersonal)
- Pengucapan awam (fungsi retorik)

Setiap konteks memetakan topik nahu kepada fungsi komunikasi yang bersesuaian dan dilaksanakan melalui aktiviti bertahap.

2.4 Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui:

1. Dokumen modul dan rancangan pengajaran.
2. Rakaman lisan pelajar semasa aktiviti pertuturan.

Rakaman digunakan untuk menganalisis bagaimana struktur nahu dioperasikan dalam konteks komunikasi sebenar.

2.5 Analisis Data

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik refleksif berasaskan kerangka [22], yang membolehkan pengenalpastian pola makna secara sistematik dalam data kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti bagaimana struktur nahu berfungsi dalam konteks komunikasi sebenar, khususnya dalam tiga konteks komunikasi lisan Arab: pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati Arab dan pengucapan awam. Proses analisis dilaksanakan melalui beberapa fasa utama yang diadaptasi daripada Braun dan Clarke [22]:

- i. Familiarisasi dengan data: Transkripsi dibaca berulang kali bagi memahami keseluruhan aliran wacana dan konteks komunikasi.
- ii. Penjanaan kod awal: Struktur nahu yang muncul dalam setiap segmen ujaran dikenal pasti dan dikodkan berdasarkan kategori dalam kerangka Nahu Wazifi (contohnya: tahaya, isnadi, istifham, zaraf).
- iii. Pencarian tema: Kod-kod yang berkaitan digabungkan bagi mengenal pasti pola pengoperasian struktur nahu dalam fungsi komunikatif tertentu.
- iv. Semakan dan pemurnian tema: Hubungan antara struktur, fungsi dan konteks wacana dianalisis semula bagi memastikan kesepadanan dan konsistensi interpretasi.
- v. Pendefinisian dan penamaan tema: Setiap kategori nahu ditafsirkan dari sudut operasionalisasinya dalam konteks tiga konteks komunikasi lisan Arab.

Melalui proses ini, analisis tidak terhad kepada pengenalpastian bentuk tatabahasa semata-mata, tetapi turut memetakan hubungan antara struktur nahu, fungsi komunikatif dan konteks pelaksanaan modul.

2.6 Kesahan, Kebolehpercayaan dan Etika

Kesahan kandungan modul dipastikan melalui semakan literatur dan penyelarasan prinsip Nahu Wazifi dengan konteks komunikasi autentik. Triangulasi sumber data (dokumen modul, rakaman lisan dan rubrik penilaian) digunakan untuk meningkatkan kesahan dapatan. Kebolehpercayaan analisis diperkukuh melalui penggunaan rubrik penilaian standard yang digunakan secara konsisten merentas lima kelas. Dari sudut etika, kajian ini melibatkan risiko minimum kerana ia dijalankan dalam konteks pengajaran biasa. Pelajar dimaklumkan tentang penggunaan data untuk tujuan penyelidikan dan persetujuan mereka diperoleh sebelum rakaman dilakukan. Identiti peserta dirahsiakan dan semua data dianonimkan semasa proses analisis.

3. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan dapatan berkaitan pengoperasian Nahu Wazifi dalam modul pertuturan bahasa Arab lanjutan berdasarkan pelaksanaan sebenar melibatkan 108 pelajar daripada lima kelas. Analisis dilakukan terhadap dokumen modul, bahan pengajaran, rubrik penilaian lisan serta rakaman hasil pertuturan pelajar. Dapatan disusun mengikut tiga konteks komunikasi autentik, iaitu pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati dan pengucapan awam.

3.1 Pengoperasian Nahu Wazifi dalam Pemberitaan Lokasi

3.1.1 Pemetaan Nahu Wazifi kepada Fungsi Deskriptif (Pemberitaan Lokasi)

Pemberitaan lokasi merujuk kepada proses pelaporan berita secara langsung dari tempat kejadian oleh wartawan dan dikenali dalam Bahasa Arab sebagai *Murasil Maydani Fi Mawqi' Hadath*, iaitu wartawan lapangan yang membuat liputan berita di tempat kejadian secara langsung dan lisan. Ia merangkumi pemerhatian lapangan, temubual, dan pengumpulan maklumat secara langsung, dengan tujuan menghasilkan laporan yang tepat, autentik, dan relevan berdasarkan pengalaman sebenar. Pendekatan ini menyokong kredibiliti dan kedalaman naratif serta memberikan pemahaman yang lebih konteks terhadap peristiwa atau isu tertentu. Justeru, analisis dokumen modul yang dilaksanakan menunjukkan bahawa topik-topik utama Nahu Wazifi yang dipetakan dalam konteks pemberitaan lokasi yang fungsi utamanya adalah deskriptif-kontekstual dapat dibentangkan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1

Pemetaan struktur nahu dalam konteks Pemberitaan Lokasi

Bil.	Topik Nahu Wazifi	Fungsi Komunikasi (Deskripsi-Kontekstual)
1.	Uslub Tahaya (تحايا)	Memberikan salam pembuka yang formal dan mesra kepada penonton.
2.	Uslub Nida' (النداء)	Memanggil atau menyapa audiens dan responden untuk memulakan interaksi.
3.	Uslub Istihlal (الاستهلال)	Memulakan laporan lokasi dengan gaya formal dan latar peristiwa.
4.	Uslub Isnadi (الأسلوب الإسنادي)	Menjelaskan situasi dengan ayat lengkap tentang siapa, apa, dan di mana.
5.	Zaraf wa Rawabit (الظرف والروابط)	Menentukan masa dan tempat kejadian, serta menghubungkan maklumat dengan baik.
6.	Uslub Istifham (الاستفهام)	Menyoal responden tentang perasaan, pengalaman, atau maklumat tambahan.
7.	Uslub Tawkid (التوكيد)	Menegaskan maklumat penting seperti statistik atau pengesahan.
8.	Fiil Madhi/Mudhari' (الفعل الماضي/المضارع)	Menceritakan kejadian semasa atau masa lalu dalam laporan secara naratif.
9.	Uslub Amr (الأمر)	Memberikan ucapan harapan, doa, atau ajakan kepada audiens.
10.	Adad-Ma'dud (العدد والمعدود)	Menyatakan bilangan responden/saksi/peserta/ahli terlibat dan statistik sokongan.

3.1.2 Pengoperasian Nahu Wazifi untuk Fungsi Deskriptif (Pemberitaan Lokasi)

Sebagai contoh pengoperasian struktur Nahu Wazifi kepada Fungsi Deskriptif (Pemberitaan Lokasi), satu skrip responden (pelajar) daripada kumpulan KBE 1 melaporkan berita lokasi program *Iftar Jamaie* (Berbuka Puasa Bersama) di Pusat Islam Tuanku Mukhriz, Universiti Sains Islam Malaysia dibentangkan seperti berikut:



Rajah 1. Paparan muka hadapan video pelaporan berita lokasi berbahasa Arab oleh salah seorang pelajar KBE 1, SMBAK, FPBU USIM

Adapun teks penuh yang ditranskripsi daripada video penyampaian sebenar pelajar (*nama pelajar dan responden temubual dirahsiakan (>>>)* dan teks dikekalkan verbatim tanpa sebarang pembetulan) seperti berikut:

- P:** (0:15) السلام عليكم ورحمة الله وبركاته. معكم >>> مراسلة قناة نادي تيفي. أنا الآن في كومبليكس إسلام تونكو مخزر بجامعة العلوم الإسلامية الماليزية في ولاية نجري 9 أو المعروف باسم المركز الإسلامي.
- (0:34) أقدم لكم تقريراً خاصاً عن برنامج الإفطار الذي يقام في الأسبوع الثاني والرابع من كل شهر يوم الخميس. ويشرف على هذا البرنامج بالكامل أعضاء لجنة المركز الإسلامي
- (0:52) يقدم البرنامج 200 وجبة مخصصة للطلاب والموظفين. وتتكوّن من الوجبة المقدمة الأرز واللحم والحضرات إلى جانب الحلوى والفواكه
- (1:07) ومعني الآن السيد >>> الأحد موظفي المركز الإسلامي والمشرف على هذا البرنامج الإفطار في هذا اليوم.
- السيد >>> ما الهدف من إقامة هذا الإفطار؟
- R1:** (1:20) يهدف البرنامج إلى إحياء الأجواء الإسلامية في الجامعة وتعزيز الروابط الأخوية بين الطلاب من مختلف الكليات والمراكز (1:31). ومن أبرز مميزات البرنامج تقديم وجبات الإفطار في صحاف مشتركة أي على هيئة التلم مما يشعر الجميع بروح الجماعة والمودة **P:** (1:43). وما الرسالة التي تودون توجيهها للمشاركين في هذا الإفطار؟ **R1:** (1:49) نأمل أن يكون هذا البرنامج وسيلة للتقرب إلى الله تعالى والإحياء سنة النبي صلى الله عليه ولتعزيز روح المحبة والأخوة بين أفراد الأمة. **P:** (2:01) شكراً جزيلاً السيد >>> على هذا اللقاء، أتمنى أن يستمر هذا البرنامج لتقوي الأخوة والتعاون بين الطلاب.
- P:** (2:11) معني >>> واحد من الطلاب الذي يشتركنا في برنامج الإفطار اليوم **R2:** (2:18). >>>، فما الفائدة التي تشعر بها حين يقيم المركز الإسلامي مثل هذا البرنامج؟ (2:29) أشعر أن هذا البرنامج مفيد جداً فإنه لا يقدم طعام الإفطار فقط بل يساهم أيضاً في توثيق العلاقات بين الطلاب وهو يتيح لنا فرصة الاجتماع وتعارف بعضنا ببعض واستعشار جو الأسرة وإن كنا بعيدين عن أهلنا. (2:49) كما يساعدنا على تعزيز معاني الشكر والروح التعاونية ويحيي سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم في الأكل مشتركاً في الصحون الواحدة وذلك مما يزيد البركة.
- P:** (3:02) أتمنى أن يستمر هذا البرنامج ليقوي الأخوة والتعاون بين الطلاب. (3:08) كانت معكم >>> مراسلة قناة سنادي تيفي من المركز الإسلامي بجامعة العلوم الإسلامية الماليزية في ولاية نجري 9 (3:20). والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Petunjuk:

P: Pelajar (Wartawan Lokasi)

R1: Respondan 1

R2: Respondan 2

Jadual 2 menunjukkan bahawa struktur Nahu Wazifi benar-benar beroperasi secara fungsional dalam konteks pemberitaan lokasi secara langsung. Pemerhatian ini selari dengan pandangan bahawa tatabahasa berfungsi sebagai sumber pembinaan makna dalam konteks sosial, bukan sekadar sistem bentuk ([14]). Setiap kategori yang dikenal pasti tidak hadir secara terasing, sebaliknya saling melengkapi dalam membina aliran laporan yang jelas, tersusun dan kontekstual. *Uslub tahaya*

pada pembukaan dan penutup membentuk struktur wacana yang seimbang, sekali gus menandakan identiti formal laporan. *Uslub nida'* pula memperlihatkan adaptasi konteks apabila partikel “يا” digugurkan dan nama responden disebut secara langsung. Pengguguran ini bukan kelemahan struktur, tetapi penyesuaian pragmatik kerana situasi bersemuka tidak memerlukan penanda seruan eksplisit. Fenomena ini boleh difahami dalam kerangka kompetensi komunikatif yang menekankan kesesuaian bentuk bahasa mengikut situasi penggunaan [23].

Uslub istihlal berfungsi menetapkan orientasi laporan sejak awal melalui ungkapan seperti “أقدم لكم تقريراً خاصاً”, manakala *uslub isnadi* menjadi teras penyampaian maklumat. Dalam kategori *isnadi*, *jumlah ismiyyah* seperti “هذا البرنامج مفيد جداً” menyampaikan maklumat bersifat tetap dan deskriptif, sementara *jumlah fi'liyyah* seperti “يقام”, “يشرف”, dan “يهدف” menghadirkan dinamika peristiwa yang sedang berlangsung. Gabungan kedua-dua bentuk ini memperlihatkan bagaimana laporan langsung memerlukan keseimbangan antara penetapan fakta dan pergerakan tindakan.

Dominasi penanda wacana khususnya frasa *jar wa majrur* seperti “في الأسبوع الثاني والرابع” dan “في ولاية” mengukuhkan sifat pemberitaan lokasi yang sangat bergantung pada penentuan masa dan tempat. Tanpa struktur ini, laporan kehilangan konteks fizikalnya. Hal ini konsisten dengan dapatan kajian variasi register yang menunjukkan bahawa pilihan struktur tatabahasa berkait rapat dengan tuntutan genre dan situasi komunikasi, bukan mengikut dialek atau penutur [24]. *Uslub istifham* pula seperti “ما الهدف من إقامة هذا الإفطار؟” mengalihkan wacana daripada naratif satu hala kepada interaksi dua hala, sekali gus memperluas dimensi laporan melalui suara responden dan sebagai bukti saksi kejadian yang konkrit.

Dari sudut penguatan makna, *uslub tawkid* hadir melalui intensifier seperti “جدا” dan bentuk penegasan leksikal lain, menunjukkan kecenderungan gaya lisan kontemporari yang lebih ringan berbanding penggunaan partikel *tawkid* klasik. Menariknya, *uslub amr* tidak muncul secara eksplisit; sebaliknya bentuk tarajji seperti “نأمل” dan “أتمنى” digunakan untuk menyampaikan harapan secara lebih santun dan institusional. Pilihan ini memperlihatkan bagaimana bahasa turut mencerminkan hubungan sosial dan nilai dalam wacana [26].

Penggunaan *adad-ma'dud* seperti “200 وجبة” menambah dimensi kredibiliti melalui penyertaan maklumat kuantitatif yang ampuh. Tambahan kategori *uslub tafsil wa al-bayan* pula memperlihatkan bagaimana maklumat umum dikembangkan secara berlapis melalui struktur seperti “وتتكوّن من” dan “ومن أبرز”. Mekanisme ini membolehkan laporan bergerak daripada pernyataan umum kepada perincian khusus secara tersusun dan mudah difahami. Dari sudut kohesi teks, strategi elaborasi sedemikian menyumbang kepada kesinambungan makna dalam wacana [28].

Jadual 2

Pengoperasian Nahu Wazifi dalam pemberitaan lokasi Arab

Bil.	Topik Nahu Wazifi	Fungsi Komunikasi	Bukti daripada Data	Analisis Kontekstual
1	Uslub Tahaya (تحايا)	Salam pembuka formal	السلام عليكم ورحمة الله وبركاته	Digunakan pada pembukaan dan penutup laporan; membentuk struktur wacana yang simetri dan memperkukuh hubungan interpersonal dengan audiens.
2	Uslub Nida' (النداء)	Menyapa responden	السيد >>> / ... معي ... الآن السيد	Tiada partikel “يا” digunakan. Berlaku

				pengguguran partikel al-nida' kerana konteks bersemuka. Adaptasi ini menunjukkan sensitiviti pragmatik. Menetapkan genre sebagai laporan rasmi dan membina orientasi topik kepada audiens.
3	Uslub Istihlal (الاستهلال)	Memulakan laporan secara formal	أَقْدَمَ لَكُمْ تَقْرِيرًا خَاصًا عَنْ بَرْنَامَجِ الْإِفْطَارِ	Hadir dalam bentuk jumlah ismiyyah dan jumlah fi'liyyah. Struktur isnadi menjadi teras penyampaian maklumat.
4	Uslub Isnadi (الأسلوب الإسنادي)	Menjelaskan siapa-apa-di mana	أَنَا الْآنَ فِي / ... هَذَا / الْبَرْنَامَجِ مَفِيدٌ جَدًا ... يَقَامُ الْبَرْنَامَجُ	Frasa preposisional dominan; menandakan wacana berorientasikan ruang dan masa. Mengaktifkan interaksi dua hala dan memperluas perspektif laporan.
5	Zaraf wa Rawabit (الظرف والروابط)	Penetapan masa & tempat	فِي الْأُسْبُوعِ الثَّانِي وَالرَّابِعِ / ... فِي وَلايَةِ نَجْرِي 9	Tawkid melalui intensifier; tiada partikel إِنَّ digunakan, menunjukkan kecenderungan gaya lisan kontemporari.
6	Uslub Istifham (الاستفهام)	Soalan kepada responden	مَا الْهَدَفُ مِنْ إِقَامَةِ هَذَا الْإِفْطَارِ؟	Dominasi kata kerja mudhari' menunjukkan peristiwa bersifat berterusan dan aktual. Fi'il madhi tidak dominan.
7	Uslub Tawkid (التوكيد)	Penegasan maklumat	مَفِيدٌ جَدًا / بِالْكَامِلِ	Tidak terdapat fi'il amr; bentuk tarajji (نَأْمَلُ / أُنْمَى) digunakan sebagai strategi diplomatik.
8	Fi'il Madhi/Mudhari' (الفعل الماضي/المضارع)	Naratif peristiwa	/ يَقَامُ / يُشْرَفُ / يَهْدَفُ يُسَاعِدُنَا	Digunakan untuk meningkatkan
9	Uslub Amr (الأمر)	Ajakan/seruan	Tiada secara eksplisit	
10	Adad-Ma'dud (العدد والمعدود)	Statistik bilangan	وَجِبَةُ 200	

11	Uslub Tafsil wa al-Bayan (أسلوب التفصيل والبيان)	Perincian dan penjelasan lanjut	وتتكوّن من الوجبة المقدمة / ...ومن أبرز مميزات البرنامج / ... كما يساعدنا	kredibiliti dan ketepatan laporan. Digunakan untuk mengembangkan maklumat umum kepada butiran khusus. Berfungsi sebagai mekanisme pengayaan maklumat dan memperjelas gambaran kepada audiens.
----	--	---------------------------------	---	---

Dari sudut rubrik tahap kecekapan bahasa, prestasi dalam konteks wartawan lokasi memperlihatkan ciri-ciri tahap B2 yang stabil berdasarkan deskriptor CEFR. Pelajar mampu menyampaikan laporan yang jelas dan tersusun, memperincikan maklumat dengan kohesi asas, serta mengekalkan kelancaran pertuturan tanpa gangguan makna yang ketara. Struktur jumlah ismiyyah dan fi'liyyah digunakan secara konsisten untuk menetapkan fakta dan melaporkan peristiwa, manakala penggunaan zaraf dan penanda wacana membantu mengatur aliran maklumat secara logik. Menurut CEFR Companion Volume [25], tahap B2 dicirikan oleh keupayaan menghasilkan ujaran yang jelas dan terperinci tentang pelbagai topik serta mengemukakan laporan berstruktur dengan tahap kawalan bahasa yang baik. Dalam konteks ini, pengoperasian Nahu Wazifi menyokong kestabilan struktur dan kohesi wacana, sekali gus memperlihatkan penguasaan yang mantap pada tahap pertengahan tinggi sebelum beralih kepada kompleksiti diskursif tahap C1 dalam konteks perbualan dua hala.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa Nahu Wazifi dalam konteks pemberitaan lokasi bukan sekadar himpunan topik tatabahasa, tetapi suatu sistem yang mengatur penyampaian maklumat, interaksi dan penegasan makna secara serentak. Struktur nahu di sini berfungsi sebagai alat pembinaan wacana yang hidup dalam praktik komunikasi sebenar.

3.2 Pengoperasian Nahu Wazifi dalam Perbualan Bersama Penutur Jati Arab

Perbualan bersama penutur jati Arab dalam modul ini dilaksanakan dalam bentuk interaksi dua hala, di mana pengujinya ialah penutur Arab itu sendiri dalam situasi sosial, akademik atau kerjaya. Interaksi ini berlaku dalam dua bentuk utama, iaitu (i) perbualan dua hala (*kalam thuna'i*) dan (ii) perbincangan berkumpulan (*niqash jama'i*). Berbeza dengan konteks pemberitaan lokasi yang bersifat laporan satu hala dan berorientasikan ruang, perbualan bersama penutur jati Arab memperlihatkan struktur komunikasi yang lebih dialogik, reflektif dan berasaskan pembinaan hujah. Secara praktikal, bentuk tugas ini menguji kesesuaian penggunaan bahasa dalam interaksi autentik—iaitu bagaimana penutur memilih struktur untuk membina maksud, menjaga kesantunan, dan mempertahankan hujah secara langsung [23].

3.2.1 Pemetaan Nahu Wazifi kepada Fungsi Interpersonal (Perbualan Bersama Penutur Jati Arab)

Bagi memperincikan pemetaan ini secara sistematik, Jadual 3 berikut merumuskan hubungan antara tema, situasi komunikasi, fungsi bahasa dan topik Nahu Wazifi yang dominan dalam perbualan bersama penutur jati Arab.

Jadual 3

Pemetaan Nahu Wazifi dalam perbualan bersama penutur jati Arab

Tema	Topik Nahu Wazifi	Situasi	Fungsi Bahasa
Akademik	- Jumlah Ismiyyah & Fi'liyyah - Isim Ma'rifah & Nakirah - Harf Jar & Isim Majrur - Uslub Ta'ilil (penanda sebab/rasional) - Isim Isyarah & Isim Mausul - Taukid	1. Perkenalan akademik di seminar/kuliah. 2. Perbincangan projek penyelidikan. 3. Pembentangan hasil kajian & Q&A. 4. Konsultasi akademik.	- Memberi gambaran ringkas & terperinci. - Menjelaskan/mempertahankan pendapat. - Menjawab soalan dengan alasan logik & bukti. - Menggunakan penanda wacana formal.
Sosial	- Uslub Ibtida' & Khabar - Uslub Madah & Dhamm - Zaraf Zaman & Makan - Fi'il Madhi & Mudhari' - Jumlah Ma'tufah (huruf 'atf) - Uslub Da'wah & Doa	1. Perbualan isu budaya/sosial/politik. 2. Majlis rasmi & berbual dengan tetamu kehormat. 3. Berkongsi pengalaman peribadi.	- Mengutarakan pendapat bernuansa. - Memberi pujian/teguran diplomatik. - Menggunakan zaraf masa/tempat. - Menunjukkan empati.
Kerjaya	- Isim Fa'il & Isim Maf'ul - Fi'il Amar/'Ardh/Tahdhid - Jumlah Syar'iyyah (struktur syarat) - Adawat Istifham (kata tanya) - Uslub Taqrir & Tarjih - Isim Alat & Isim Zaman	1. Temu bual kerja profesional. 2. Membentangkan cadangan projek. 3. Rundingan kontrak/syarat kerja. 4. Jaringan profesional.	- Memperkenalkan organisasi. - Mengemukakan cadangan dengan hujah kukuh. - Mengendalikan rundingan. - Menutup perbualan formal.

Jadual 3 ini menunjukkan bahawa setiap tema komunikasi mengaktifkan set topik Nahu Wazifi yang berbeza tetapi saling melengkapi. Dalam konteks akademik, struktur berorientasikan hujah dan penjelasan; dalam konteks sosial, struktur lebih bernuansa dan empatik; manakala dalam konteks kerjaya, struktur lebih strategik dan berorientasikan rundingan.

3.2.2 Pengoperasian Nahu Wazifi untuk Fungsi Interpersonal (Perbualan Bersama Penutur Jati Arab)



Rajah 2. Aktiviti perbualan bersama penutur jati Arab dalam bentuk dua hala berkumpul

Analisis prestasi para pelajar dalam aktiviti ini menunjukkan bahawa struktur Nahu Wazifi dalam konteks ini beroperasi sebagai sistem pengurusan interaksi dan pembinaan makna secara dinamik. Dari perspektif fungsional, tatabahasa bukan sekadar himpunan bentuk, tetapi sumber pilihan (*resource of meaning*) yang membolehkan penutur menyesuaikan ujaran mengikut medan, hubungan sosial dan tujuan komunikasi [14]. Justeru, setiap pilihan struktur dalam perbualan ini boleh difahami sebagai tindakan komunikatif yang strategik, bukan sekadar pematuhan kepada aturan nahu.

Dalam pengenalan akademik, uslub isnadi mengatur maklumat secara progresif: tindakan komunikasi (أود أن أعرفكم) diikuti penetapan identiti (اسمي...) dan latar akademik (وأنا طالب في...). Struktur ini membina kredibiliti awal sebelum penutur mengembangkan pengalaman. Apabila pengalaman dihuraikan, *uslub tafsil* menggerakkan wacana daripada gambaran umum kepada perincian khusus. Urutan seperti “...بدأت... ثم... وبعد ذلك...” memastikan kesinambungan kronologi dan kejelasan makna. Dari sudut aliran wacana, *tafsil* berfungsi sebagai strategi elaborasi yang menyambungkan idea-idea kecil kepada satu cerita yang koheren, iaitu salah satu ciri penting kohesi [28]. Di sini, nahu berfungsi sebagai alat organisasi pengalaman.

Dalam bahagian refleksi kekuatan dan kelemahan, *jumlah ma’tufah* memainkan peranan penting dalam mengawal keseimbangan retorik. Struktur kontras melalui “لكن” membolehkan penutur mengakui kelemahan tanpa menjejaskan imej profesional. Dalam perancangan masa depan, uslub ta’lil menjadi mekanisme pembinaan legitimasi. Dalam interaksi bersama penutur jati, kemampuan mengemukakan sebab secara eksplisit memperlihatkan tahap kematangan diskursif dan keupayaan berhujah secara rasional, yang merupakan komponen penting kompetensi komunikatif [23]. Hubungan sebab–akibat melalui “لأن” memperlihatkan rasionaliti dan orientasi kerjaya yang jelas.

Bagi perbincangan berkumpul, pengoperasian *zaraf* dan *jar wa majrur* seperti “في ماليزيا” dan “في بعض الدول العربية” membentuk rangka perbandingan budaya. Penetapan konteks di awal ujaran ini berfungsi menetapkan ‘medan wacana’ sebelum hujah dikembangkan, selari dengan dapatan kajian variasi register yang menunjukkan bahawa penanda konteks memainkan peranan penting dalam organisasi wacana akademik dan profesional [24]. *Fi’il mudhari’* seperti “يؤثر” dan “يسهم” menyampaikan pandangan yang bersifat umum dan berterusan. Penggunaan *adawat istifham* pula membuka ruang kolaborasi dan memperlihatkan dinamika interaksi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam perbualan bersama penutur jati Arab, struktur nahu tidak dipilih secara mekanikal, tetapi berdasarkan tujuan komunikasi. Dengan kata lain, tatabahasa dioperasikan sebagai sumber makna: struktur digunakan untuk menyusun identiti, membina hujah,

dan mengurus interaksi secara berlapis mengikut keperluan situasi [14]. *Uslub isnadi* membina identiti dan fakta, *tafsil* mengembangkan idea, *ta'ail* menyokong hujah, *zaraf* mengatur konteks, manakala *istifham* menghidupkan interaksi. Secara keseluruhannya, Nahu Wazifi beroperasi sebagai sistem organisasi makna yang adaptif dalam interaksi lisan sebenar.

Dari sudut rubrik tahap kecekapan, pola struktur yang digunakan dalam perbualan dua hala ini menunjukkan ciri-ciri tahap B2 hingga C1 menurut deskriptor CEFR. Pada tahap B2, pelajar mampu memberikan penjelasan yang jelas tentang pengalaman, menyatakan sebab melalui struktur *ta'ail*, dan menyertai perbincangan dengan alasan yang munasabah. Manakala pada tahap C1, wacana menjadi lebih terancang dan kohesif, dengan penggunaan *tafsil* yang lebih sistematik, keseimbangan hujah melalui *jumlah ma'tufah*, serta pengurusan interaksi yang lebih spontan dan fleksibel. Perbezaan ini memperlihatkan bahawa pengoperasian Nahu Wazifi bukan sahaja berkait dengan ketepatan struktur, tetapi juga tahap kematangan diskursif dan keupayaan mengawal aliran makna dalam situasi komunikasi yang kompleks.

3.3 Pengoperasian Nahu Wazifi dalam Pengucapan Awam

Konteks ketiga ialah pengucapan awam, iaitu kemahiran menyampaikan ucapan secara lisan di hadapan khalayak dengan tujuan mempengaruhi, memaklumkan atau menghiburkan pendengar ([30]). Ia memerlukan penguasaan bahasa yang mantap, penyusunan idea secara logik, kawalan intonasi serta penggunaan bahasa badan yang berkesan [27]. Dalam modul ini, pelajar menyampaikan ucapan bertemakan isu akademik, sosial dan kerjaya dalam bahasa Arab. Tahap kompetensi yang disasarkan ialah B2 hingga C1 menurut piawaian CEFR [25]. Struktur seperti jumlah ismiyyah, jumlah fi'liyyah, huruf jar, zaraf zaman dan makan serta uslub ta'ajjub dimanfaatkan bagi menguatkan mesej dan kesan retorik. Latihan ini menyumbang kepada pembangunan keberanian, artikulasi berpengaruh dan kompetensi komunikasi antara budaya [31].

3.3.1 Pemetaan Nahu Wazifi untuk tujuan persuasif (Pengucapan Awam)

Berdasarkan analisis teks dan kerangka konsep aktiviti, pemetaan topik Nahu Wazifi bagi konteks pengucapan awam dirumuskan seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4

Pemetaan topik Nahu Wazifi bagi pengucapan awam

Tema Isu	Topik Nahu Wazifi	Situasi Ucapan	Fungsi Bahasa
Akademik	- Uslub Tahiyah - Jumlah Fi'liyyah (untuk fakta) - Uslub Istidlal (penyandaran hujah) - Isim Mausul	Ucapan tentang kepentingan menyambung pengajian, penyelidikan inovatif dalam pendidikan tinggi	- Memulakan ucapan dengan salam dan pengenalan isu - Menyatakan fakta & statistik - Mengemukakan hujah sokongan & cadangan
	- Jumlah Ismiyyah - Isim Fa'il & Isim Maf'ul - Harf Jar & Isim Majrur	Ucapan tentang peranan universiti dalam membentuk kepimpinan pelajar	- Mengaitkan teori dengan amalan - Memberi contoh kejayaan

Sosial	- Jumlah Ismiyyah (untuk definisi) - Fi'il Amar (seruan) - Uslub Da'wah & Doa - Jumlah Fi'liyyah - Jumlah Syar'iyyah - Isim Zaman & Makan	Ucapan tentang kepentingan toleransi dan keharmonian budaya Ucapan tentang peranan media dalam memupuk perpaduan masyarakat	- Memberi definisi konsep - Menyeru audiens mengamalkan nilai positif - Menghuraikan pengaruh media - Memberi cadangan penambahbaikan
Kerjaya	- Jumlah Ismiyyah & Fi'liyyah - Isim Fa'il (pelaku) - Istifham balaghi - Isim Zaman (penanda era) - Jumlah Ma'tufah - Uslub Taukid	Ucapan tentang kepentingan kemahiran komunikasi dalam dunia profesional Ucapan tentang inovasi dan teknologi dalam perniagaan moden	- Menghubungkan kemahiran bahasa dengan kejayaan kerjaya - Memberi tips praktikal - Menyatakan trend semasa - Menjelaskan kesan positif

Pemetaan ini memperlihatkan bahawa pengucapan awam mengaktifkan struktur nahu yang bukan sahaja menyampaikan maklumat, tetapi membina legitimasi, mempengaruhi audiens dan mengukuhkan mesej secara retorik dan persuasif.

3.3.2 Pengoperasian Nahu Wazifi untuk fungsi persuasif (Pengucapan Awam)

Dalam kerangka Nahu Wazifi, setiap struktur nahu dianalisis berdasarkan fungsi komunikatifnya dalam konteks sebenar. Oleh itu, dalam pengucapan awam ini, unsur persuasif tidak dilihat semata-mata sebagai gaya retorik, tetapi sebagai pengoperasian struktur nahu yang dipilih secara fungsional untuk mencapai tujuan mempengaruhi audiens.



Rajah 3. Salah seorang pelajar menyampaikan pengucapan awam Arab dengan tajuk "نحو جيل بلا دخان هل يكفي" "الحظر وحده" di pentas Open Mic, FPBU

Teks penuh ucapan pelajar tersebut seperti berikut:

"إِنَّ الحمد لله، نحمده ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضلّ له، ومن يضلل فلا هاديّ له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، صلى الله عليه وسلم. أما بعد؛ فنحمد الله عزّ وجلّ على نعمة الإسلام، وأنقذنا من جميع الحاضرين من الزملاء والأساتذة الكرام. إن شاء الله، سأحدث إليكم اليوم حول موضوع يمس واقعنا، ويهدّد مستقبلنا، بعنوان: نحو جيل بلا دخان: هل يكفي الحظر وحده؟ أيها الحاضرون الكرام،

نعيش اليوم في زمن تتزايد فيه المخاطر الصحية، ويحاصر فيه شبابنا بعادات تدمّر أجسادهم ببطء. ورغم التحذيرات المتكررة، لا تزال ظاهرة التدخين، سواء التقليدي أو الإلكتروني، تنتشر بشكل مقلق. فهل يعقل أن نفقد آلاف الأرواح سنوياً، ثم نكتفي بالصمت؟ وهل يكفي أن نمنع التدخين بالقانون، دون أن نزرع الوعي في العقول؟ وتشير الإحصاءات إلى أنّ عدد المدخنين البالغين في ماليزيا يقدر بنحو 4.8 مليون شخص ممن تبلغ أعمارهم خمس عشرة سنة فأكثر، مع تسجيل أكثر من سبعة وعشرين ألف حالة وفاة سنوياً بسبب التدخين. وهذا الرقم، أيها الكرام، ليس مجرد إحصاء، بل إنذار حقيقي يستدعي الوقوف والتأمل. أيها المستمعون الكرام،

أولاً: التعليم ونشر الوعي. يعدّ التعليم أساساً في تشكيل فكر الجيل الشاب وسلوكه، فمن خلال حملات توعوية منظمّة في المدارس والجامعات، وعبر وسائل التواصل الاجتماعي، يمكن أن نغرس وعياً صحياً يجعل الشباب يدركون خطورة التدخين، فيبتعدون عنه بقناعة لا باكره. فالقانون يمنع، لكن الوعي يغيّر، والوعي إذا استقرّ في العقول يصنع جيلاً مسؤولاً. ثانياً: تشديد تطبيق القوانين. لا شك أنّ للحكومة دوراً مهماً في الحدّ من هذه الظاهرة، من خلال منع التدخين والسجائر الإلكترونية في الأماكن العامة، كالمطاعم والأماكن المغلقة، ويسهم ذلك في حماية غير المدخنين، والحدّ من انتشار ثقافة التدخين في المجتمع. فالقانون يعاقب، لكن القناة تصلح، وإذا اجتمع القانون مع الوعي تحقّق التغيير الحقيقي.

ثالثاً: تقديم الدعم للإقلاع عن التدخين. إلى جانب المنع والتشريعات، يحتاج المدخنون إلى تقديم حقيقي، لا إقصاء أو لوم، ومن هنا تبرز أهمية توفير عيادات ومراكز متخصصة، تقدّم الإرشاد والعلاج المناسب، وتساعد المدخنين على التوقّف التدريجيّ، ممّا يزيد من فرص النجاح في الإقلاع عن هذه العادة الخطيرة.

أيها الحاضرون الكرام، خلاصة القول، إنّ حظر التدخين خطوة مهمّة، لكنّه لا يكفي وحده، فنحن بحاجة إلى وعي يسبق القانون، وقانون يحمي المجتمع، ودعم ينقذ الإنسان. فالصحة، أيها الكرام، ليست خياراً، بل أمانة، ومسؤولية، ونعمة سنسأل عنها. وقد قال النبيّ صلى الله عليه وسلم: «نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ: الصّحّة والفراغ». فالصحة هي رأس مال الإنسان في العبادة والعمل والعطاء. وبهذا أكتفي بكلامي في هذا اليوم، وبالله التوفيق والهداية والسّلام عليكم ورحمة الله وبركاته."

Berdasarkan teks pengucapan awam Arab pelajar di atas, analisis menunjukkan penggunaan *istifham inkari* seperti "هل يعقل أن نفقد آلاف الأرواح سنوياً؟" memperlihatkan bagaimana struktur istifham dioperasikan sebagai alat fungsi *khitābi* dan *ta'ajjub* dalam Nahu Wazifi. Secara bentuk, ia ialah ayat tanya; namun secara fungsi, ia berperanan menggugat kesedaran dan membina tekanan moral. Dalam kerangka fungsional, perubahan fungsi daripada pertanyaan literal kepada strategi persuasi menunjukkan bahawa bentuk nahu membawa makna interpersonal yang signifikan [14]. Dari sudut retorik moden, strategi *interrogative engagement* ini meningkatkan keterlibatan kognitif dan afektif pendengar [29].

Kedua, struktur *taqābul* seperti "فالقانون يمنع، لكن الوعي يغير" memperlihatkan pengoperasian *jumlah ma'tufah* dengan partikel kontras sebagai mekanisme pembinaan hujah. Dalam Nahu Wazifi, *jumlah ma'tufah* tidak sekadar menggabungkan dua klausa, tetapi mengatur hubungan makna antara dua idea yang saling bertentangan untuk menghasilkan penegasan. Paralelisme ini menguatkan mesej melalui kontras yang seimbang dan meningkatkan kejelasan struktur hujah [30].

Ketiga, susunan *tafsil* melalui penandaan "أولاً، ثانياً، ثالثاً" menunjukkan pengoperasian uslub *tafsil* sebagai strategi organisasi wacana. Dalam pendekatan Nahu Wazifi, penanda ini berfungsi mengawal progresi idea dan membimbing audiens mengikuti hierarki hujah secara sistematik. Struktur triadik ini memperkukuh kohesi dan meningkatkan kredibiliti pengucap ([27]).

Keempat, penggunaan *taukid* dalam pernyataan seperti "إن حظر التدخين خطوة مهمة، لكنه لا يكفي" dan "إن الحمد لله"، serta bentuk penegasan lain dalam teks seperti "لا شك أن للحكومة دوراً مهماً"، "وحده"، dan "هذا الرقم ليس مجرد إحصاء بل إنذار حقيقي" memperlihatkan bagaimana partikel penegasan dan struktur kontras dioperasikan untuk mengukuhkan pendirian utama. Dalam kerangka Nahu Wazifi, *taukid*

berfungsi sebagai alat penetapan sikap (*stance marking*), yang memposisikan penutur secara jelas terhadap isu yang dibincangkan. Penegasan ini meningkatkan daya pujukan kerana audiens menerima mesej yang stabil dan tidak ambigu [31].

Kelima, unsur gambaran dramatik melalui pilihan leksikal seperti “يُحاصر” dan “إنذار حقيقي” menunjukkan bahawa jumlah fi’liyyah dan struktur isnadi turut membawa fungsi evaluatif. Dalam Nahu Wazifi, pemilihan kata kerja dan struktur *isnadi* tidak neutral; ia membentuk cara realiti dikonstruksi dalam wacana. Strategi imagery ini memperkukuh dimensi pathos dan menjadikan isu lebih mendesak dalam persepsi audiens [29].

Akhir sekali, penutup ucapan yang menggabungkan taukid dan rujukan hadis seperti “وقد قال النبي ﷺ: «نعمتان مغبون فيهما كثير من الناس: الصحة والفراغ»” memperlihatkan pengoperasian uslub *istidlal* dan intertekstualiti dalam Nahu Wazifi. Penyandaran kepada autoriti teks agama membina ethos dan legitimasi moral, sekali gus memperluas fungsi nahu daripada penyampaian maklumat kepada pembinaan autoriti diskursif.

Secara keseluruhan, dapatan ini memperlihatkan bahawa dalam konteks pengucapan awam, Nahu Wazifi berfungsi sebagai sistem organisasi makna dan strategi retorik secara serentak. Struktur seperti *istifham*, *taukid*, *tafsil*, *jumlah ma’tufah* dan syarat tidak hanya hadir sebagai bentuk sintaksis, tetapi dioperasikan untuk mempengaruhi, menstruktur hujah dan membina hubungan interpersonal dengan audiens. Tahap penguasaan ini selari dengan ciri kompetensi C1 CEFR yang menuntut keupayaan mengawal wacana kompleks secara meyakinkan dalam situasi formal [25].

3.4 Model Sintesis Pemetaan Pedagogi

Berdasarkan analisis ketiga-tiga konteks, satu pola progresif dapat dikenal pasti yang dapat diilustrasikan dalam jadual 5. Ini merupakan model yang menunjukkan bahawa pengoperasian Nahu Wazifi berkembang secara bertahap daripada fungsi deskriptif kepada fungsi retorik yang lebih kompleks. Struktur nahu tidak diajar secara terpisah, tetapi dioperasikan mengikut konteks komunikasi sebenar, sekali gus merapatkan jurang antara pengetahuan tatabahasa dan kompetensi pertuturan.

Jadual 5
Model sintesis pengoperasian Nahu Wazifi

Konteks	Fungsi Dominan	Peranan Tatabahasa	Tahap Kompleksiti
Pemberitaan Lokasi	Deskriptif	Tatabahasa sebagai alat penerangan	Rendah–Sederhana
Perbualan bersama penutur jati Arab	Interpersonal/Interaksi	Tatabahasa sebagai alat kesinambungan	Sederhana
Pengucapan Awam	Retorik/Persuasi	Tatabahasa sebagai strategi persuasi	Tinggi

Implikasi dapatan ini dilihat berpotensi melangkaui konteks kursus yang dikaji, khususnya sebagai rujukan awal dalam reka bentuk kurikulum pertuturan bahasa Arab di institusi lain yang mengajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing.

4. Kesimpulan

Kajian ini bertujuan (i) membentangkan pemetaan topik nahu, bentuk aktiviti pertuturan serta penilaian mengikut konteks komunikasi autentik bagi pelajar tahap lanjutan, dan (ii) menghuraikan pengoperasian pendekatan Nahu Wazifi dalam pembangunan modul pertuturan bahasa Arab dengan penajaran CEFR. Berdasarkan pelaksanaan modul melibatkan 108 pelajar dalam tiga konteks komunikasi utama—pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati Arab dan pengucapan awam—dapatan memperlihatkan bahawa struktur nahu dapat dioperasikan secara sistematik sebagai sumber pembinaan makna yang responsif terhadap tuntutan genre, tujuan komunikasi dan hubungan interpersonal.

Pemetaan pedagogi yang dirumuskan menunjukkan bahawa setiap konteks komunikasi mengaktifkan konfigurasi struktur nahu yang berbeza tetapi saling melengkapi. Dalam konteks deskriptif (pemberitaan lokasi), struktur *isnadi*, *zaraf* dan penanda wacana berfungsi sebagai alat ketepatan maklumat dan kohesi laporan. Dalam konteks interpersonal (perbualan dua hala), struktur tafsil, ta'lil dan jumlah ma'tufah mengurus kesinambungan interaksi serta pembinaan hujah secara dialogik. Manakala dalam konteks retorik (pengucapan awam), struktur *taukid*, *istifham inkari* dan *istidlal* dioperasikan sebagai strategi persuasi dan legitimasi wacana formal. Pola progresif ini membuktikan bahawa tatabahasa dalam kerangka Nahu Wazifi berkembang daripada fungsi penerangan kepada fungsi pengurusan interaksi dan akhirnya kepada strategi retorik berimpak tinggi.

Secara teoritikal, dapatan ini memperkukuh paradigma tatabahasa fungsional dalam pendidikan bahasa Arab dengan menunjukkan bahawa struktur nahu hanya mencapai keberkesanan pedagogi apabila dipetakan secara eksplisit kepada konteks komunikasi sebenar. Secara pedagogikal, model sintesis yang dicadangkan menyediakan kerangka aplikasi yang jelas, bertahap dan boleh direplikasi dalam reka bentuk kurikulum pertuturan lanjutan, khususnya dalam konteks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Penajaran dengan deskriptor CEFR turut memperlihatkan keserasian antara perkembangan struktur nahu dan peningkatan kematangan diskursif pelajar daripada tahap B2 ke C1.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai keterbatasan tertentu. Reka bentuk kajian bersifat deskriptif-analitik tanpa pengukuran pra dan pasca intervensi atau kumpulan kawalan, justeru kesan keberkesanan modul tidak dinilai secara kuantitatif. Pelaksanaan juga terhad kepada satu institusi, yang mengehadkan generalisasi dapatan. Selain itu, walaupun integrasi AI dinyatakan dalam kerangka pembangunan modul sebagai sokongan pembelajaran dan maklum balas sendiri, analisis empirikal terhadap peranan teknologi tersebut tidak dibincangkan secara mendalam dalam artikel ini. Kajian lanjutan berbentuk kuasi-eksperimen dengan pengukuran berasaskan rubrik standard serta integrasi AI secara sistematik dicadangkan bagi menguji impak intervensi secara lebih objektif dan meluas.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Pusat Tanggungjawab (PTJ), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, bertajuk: Keberkesanan Modul Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan Berasaskan Integrasi Pendekatan Nahu Wazifi dan Kecerdasan Buatan (AI) Bagi Meningkatkan Kompetensi Komunikasi Pelajar FPBU, kod penyelidikan: PPPI/PTJ/FPBU/USIM/13925.

References

- [1] Al-Husseini, Lecture Wesal Muayyad Khudair. "The effect of teaching Arabic grammar according to functional education in the achievement of female students fourth grade literary." *Thi Qar Arts Journal* 1, no. 38 (2022): 23-54. <https://doi.org/10.32792/tqartj.v1i38.321>

- [2] Boulesnam, Ilhem, and Rabah Boucetti. "Arabic Language Characteristics that Make its Automatic Processing Challenging." *International Arab Journal of Information Technology (IAJIT)* 22, no. 4 (2025).. <https://doi.org/10.34028/iajit/22/4/14>
- [3] Sumi, A., & Tominaga, M. (2022). Different methods and approaches for teaching Arabic grammar. In K. M. Wahba, Z. Taha, & M. Giolfo (Eds.), *Teaching and learning Arabic grammar: Theory, practice, and research* (Chap. 12). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003034209-12>
- [4] Wahba, K. M., Taha, Z., & Giolfo, M. (Eds.). (2022). *Teaching and learning Arabic grammar: Theory, practice, and research*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003034209>
- [5] Mohammed, R. J., & Al-Marsumi, N. H. R. (2022). A systemic functional grammar approach to the study of emphatic constructions in English and Arabic scientific texts. *Arab World English Journal*, 13(2), 364–385. <https://doi.org/10.24093/awej/vol13no2.25>
- [6] Kahiha, A. H. (n.d.). Methods and strategies for teaching Arabic grammar and its relationship to learners' linguistic weakness: The third year of secondary education – A sample. *Indexa Journal*. Retrieved September 11, 2025, from <https://ajpsdz.org/dx/items/show/8000>
- [7] Pisal, N. A., et al. (2024). Teaching methods of Arabic language grammar lessons among Arabic teachers at religious secondary schools in Malaysia. *Theory and Practice in Language Studies*, 14(10), 3100–3108. <https://doi.org/10.17507/tpls.1410.11>
- [8] Abudalfa, S. I., Abdu, F. J., & Alowaiifeer, M. M. (2024). Arabic text formality modification: A review and future research directions. *IEEE Access*, 12, 185117–185148. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2024.3511661>
- [9] Sari, R., & Helmanda, C. M. (2025). Challenges and solutions in teaching Arabic grammar. *Al-Siyar: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 8(1), 55–72. <https://jurnal.uai.ac.id/index.php/SH/article/view/4298>
- [10] Musling, M. N., Mohamed, Y., & Abd Ghani, M. I. (2025). Konteks pertuturan bahasa Arab lanjutan berasaskan Nahu Wazifi: Konsep dan aplikasi. In *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2025)* (pp. 556–570). Penerbit USIM.
- [11] Halabi, D., Fayyumi, E., & Awajan, A. (2022). I3rab: A new Arabic dependency treebank based on Arabic grammatical theory. *ACM Transactions on Asian and Low-Resource Language Information Processing*, 21(2), Article 23. <https://doi.org/10.1145/3472295>
- [12] Wang, F., & Hannafin, M. J. (2005). Design-based research and technology-enhanced learning environments. *Educational Technology Research and Development*, 53(4), 5–23. <https://doi.org/10.1007/BF02504682>
- [13] Reeves, T. C. (2006). Design research from a technology perspective. In J. van den Akker, K. Gravemeijer, S. McKenney, & N. Nieveen (Eds.), *Educational design research* (pp. 52–66). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203088364>
- [14] Halliday, M. A. K. (2014). *An introduction to functional grammar* (4th ed., C. M. I. M. Matthiessen, Rev.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203431269>
- [15] Ellis, R. (2003). *Task-based language learning and teaching*. Oxford University Press.
- [16] Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and methods in language teaching* (3rd ed.). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324>
- [17] Mudinillah, A., Rahmi, S. N., & Taro, N. (2024). Task-based language teaching: A systematic review of research and applications. *LingEduca: International Journal of Linguistics, Education, and Culture*, 4(2), 103–115. <https://journal.ypidathu.or.id/index.php/lingeduca/article/download/1352/984>
- [18] Alkaabi, M. H. (2025). Generative AI implementation and assessment in Arabic language teaching. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (IJET)*, 20(5), 88–102. <https://doi.org/10.3991/ijet.v20i05.59071>
- [19] Hanandeh, A. (2024). Artificial intelligence in Arabic linguistic landscape. *TEM Journal*, 13(4), 3137–3145. https://www.temjournal.com/content/134/TEMJournalNovember2024_3137_3145.pdf
- [20] Al-Shaboul, A., Al-Khalil, N. J., & Al-Momani, F. (2025). The role of artificial intelligence in enhancing Arabic language learning, translation, and speech recognition. *Advances in Humanities and Social Sciences*, 5(1), 45–59. <https://mail.royalliteglobal.com/advanced-humanities/article/view/1904>
- [21] Almelhes, S. (2024). Effective strategies for addressing non-native learners' challenges in Arabic language learning. *Education Sciences*, 14(10), 1116. <https://doi.org/10.3390/educsci14101116>
- [22] Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- [23] Canale, M., & Swain, M. (1980). Theoretical bases of communicative approaches to second language teaching and testing. *Applied Linguistics*, 1(1), 1–47.
- [24] Biber, D., Johansson, S., Leech, G., Conrad, S., & Finegan, E. (1999). *Longman grammar of spoken and written English*. Longman.
- [25] Council of Europe. (2020). *Common European framework of reference for languages: Learning, teaching, assessment – Companion volume*.

- [26] Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.
- [27] Gallo, C. (2014). *Talk like TED: The 9 public-speaking secrets of the world's top minds*. St. Martin's Press.
- [28] Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. Longman.
- [29] Hyland, K. (2005). *Metadiscourse: Exploring interaction in writing*. Continuum.
- [30] Lucas, S. E. (2019). *The art of public speaking* (13th ed.). McGraw-Hill Education.
- [31] Beebe, S. A., & Beebe, S. J. (2018). *Public speaking: An audience-centered approach* (10th ed.). Pearson.